



Kata Tanya

Waspada Selalu

Nabila sedang membaca buku di dalam bilik. Ayahnya mengingatkan Nabila agar sentiasa berhati-hati semasa mengambil buku di rak.

Rak buku itu agak usang. Rak buku itu telah dipasang tiga tahun yang lalu. Oleh itu, buku-buku di rak haruslah tidak terlalu banyak dan tidak penuh muatannya.

Menurut ayahnya lagi, objek tajam dan berat seperti gunting, pembaris keluli dan pasu bunga tidak boleh diletakkan di rak buku. Jika terjatuh, objek tersebut boleh mencederakan Nabila. Oleh itu, untuk mengelakkan bahaya kepada Nabila, objek tersebut mestilah diletakkan di tempat yang berasingan.



Bagaimanakah cara untuk mengelakkan bahaya kepada Nabila?

Di manakah Nabila membaca buku?

Bilakah rak buku itu dipasang?

Siapakah yang mengingatkan Nabila agar sentiasa berhati-hati semasa mengambil buku di rak?

Berapakah jumlah buku yang boleh diletakkan di rak buku?

Apakah benda yang tidak boleh diletakkan di rak buku?

Mengapakah objek tajam diletakkan di tempat yang berlainan?

1. _____ ?

Nabila membaca buku di dalam bilik.

2. _____ ?

Ayah Nabila yang mengingatkan Nabila agar sentiasa berhati-hati semasa mengambil buku di rak.

3. _____ ?

Rak buku itu telah dipasang tiga tahun yang lalu.

4. _____ ?

Jumlah buku yang boleh diletakkan di rak haruslah tidak terlalu banyak dan tidak penuh muatannya.

5. _____ ?

Benda yang tidak boleh diletakkan di rak buku ialah objek tajam dan berat seperti gunting, pembaris keluli dan pasu bunga tidak boleh diletakkan di rak buku.

6. _____ ?

Objek objek tajam diletakkan di tempat yang berlainan kerana ia boleh mendatangkan kecederaan.

7. _____ ?

Cara mengelakkan bahaya kepada Nabila ialah objek tajam dan berat tersebut mestilah diletakkan di tempat yang berasingan.